



KHUTBAH JUMAAT KHAS SEMPENA HARI ULANG TAHUN KOR

AGAMA ANGKATAN TENTERA KE-34

BERTAUK: KAGAT:DAEI -ASKARI PENJANA KECEMERLANGAN MODAL
INSAN ATM YANG UNGGUL.

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، فَحَمْدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

﴿ إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِآثٍ لَهُمُ الْجَنَّةَ يُقَاتِلُونَ فِي
سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدًّا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ
أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ



SAUDARA SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

1. PADA HARI JUMAAT YANG MULIA INI, MARILAH SAMA-SAMA KITA MENINGKATKAN KEIMANAN DAN KETAQWAAN KITA KEPADA ALLAH SWT DENGAN BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH MELAKUKAN PERKARA-PERKARA YANG DIPERINTAHKAN OELH ALLAH, DAN MENINGGALKAN SEGALA LARANGANNYA. MUDAH-MUDAHAN KITA MENJADI GOLONGAN HAMBAA YANG BERTAQWA, SETERUSNYA BERJAYA DI DUNIA DAN SEJAHTERA DI HARI AKHIRAT.

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

2. SESUNGGUHNYA ARAHAN ALLAH SWT UNTUK MEMBINA SATU ANGKATAN TENTERA YANG BERWIBAWA DI KALANGAN UMAT ISLAM TELAH BERLAKU SEJAK 1440 TAHUN YANG LALU. DI DALAM SURAH AL-ANFAL AYAT 60,ALLAH SWT BERFIRMAN:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ ۚ عَدُوُّ اللَّهِ وَعَدُوُّكُمْ
وَأَخْرَيْنَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ
إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تَظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

DAN BERSIAP-SIAGALAH KAMU UNTUK MENENTANG MEREKA YAKNI MUSUH KAMU, DENGAN SEGALA JENIS KEKUATAN YANG MAMPU KAMU SEDIAKAN DAN DARI PASUKAN-PASUKAN BERKUDA YANG LENGKAP SEDIA, YANG MANA DENGAN PERSEDIAAN ITU DAPAT MENGGERUNKAN MUSUH ALLAH DAN MUSUH KAMU SERTA MUSUH-MUSUH YANG LAIN DARI MEREKA YANG KAMU TIDAK MENGETAHUINYA; SEDANG ALLAH MAHA MENGETAHUINYA. DAN APA SAHAJA YANG KAMU BELANJAKAN PADA JALAN ALLAH AKAN DISEMPURNAKAN BALASANNYA KEPADA KAMU, DAN KAMU TIDAK AKAN DIZALIMI.

3. DI DALAM AYAT INI, ALLAH SWT MENGARAHKAN UMAT ISLAM AGAR MENYEDIAKAN APA JUA BENTUK *AL-QUWWAH* ATAU KEKUATAN KETENTERAAN, BAGI MENGGERUNKAN MUSUH ALLAH DAN MUSUH KITA. DALAM HUBUNGAN INI, AL-USTAZ YUSOF ALI DI DALAM BUKUNYA (*THE MEANING OF THE HOLY QURAN*) MENYATAKAN BAHAWA, KEKUATAN YANG DIMAKSUDKAN DI DALAM SURAH AL-ANFAL AYAT 60 INI MELIPUTI KEKUATAN FIZIKAL, MENTAL DAN **SPRITUAL** ATAU KEROHANIAN.

4. LANTARAN ITU, DALAM USAHA KITA UNTUK MEMBINA SEBUAH ANGKATAN TENTERA YANG KREDIBEL, ELEMEN KEROHANIAN MERUPAKAN ASPEK YANG AMAT PENTING DALAM MENENTUKAN KEJAYAAN SESEBUAH ANGKATAN DI MEDAN PERTEMPURAN, DI SAMPING KEKUATAN FIZIKAL, MENTAL DAN ASET KETENTERAAN. INI BERMAKNA ELEMEN SPIRITUAL PERLU

DIBERI PERHATIAN YANG SERIUS OLEH SETIAP LAPISAN KEPIMPINAN TENTERA, SUPAYA BENAR-BENAR WUJUD KESEIMBANGAN ANTARA KETIGA-TIGA ELEMEN TERSEBUT YANG SALING BERKAIT ANTARA SATU SAMA LAIN.

5. DALAM KONTEKS ANGKATAN TENTERA KITA, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MENJANA ELEMEN SPRITUAL INI TELAH DIAMANAHKAN KEPADA SUATU ORGANISASI DI DALAM TENTERA DARAT, IAITU KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA ATAU KAGAT YANG INSYA ALLAH BAKAL MENYAMBUT HARI ULANG TAHUNNYA YANG KE-34 PADA 16 APR 2019 NANTI.

JUSTERU. BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA KE-34 INI, IZINKAN KHATIB MENGAMBIL KESEMPATAN PADA HARI JUMAAT YANG PENUH BARAKAH INI, UNTUK MEMBICARA SEPINTAS LALU, KHUTBAH KHAS YANG BERTAJUK: **KAGAT:DAEI -ASKARI PENJANA KECEMERLANGAN MODAL INSAN ATM YANG UNGGUL.**

TUAN-TUAN SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

6. DALAM MENGGALAS TUGAS SELAKU PENJANA KECEMERLANGAN KEROHANIAN ANGGOTA ATM, KAGAT TELAH MENJADIKAN UNGKAPAN **DAEI-ASKARI** SEBAGAI SLOGAN PENTING KE ARAH MENJADIKAN ORGANISASI ISLAM INI SEBAGAI PENGGERAK KEPADA AGENDA DAKWAH DAN TARBIYAH DI DALAM ATM, IANYA MEMBAWA MAKSUD BAHAWA KAGAT ADALAH SATU KELOMPOK PENDAKWAH YANG MEMILIKI CIRI-CIRI ASAS KETENTERAAN BAGI MEMASTIKAN SELURUH WARGANYA MEMPUNYAI KESEDIAAN UNTUK MELAKSANAKAN TUGAS DAN BERKHIDMAT DI DALAM BUDAYA KETENTERAAN, YANG MEMPUNYAI KEUNIKAN TERSENDIRI, DI SAMPING MEMBENTUK DIRI MENJADI PENDAKWAH YANG BERDISIPLIN, YANG SEDIA BERTUGAS DALAM APA JUA SITUASI DAN KONDISI.

7. SESUNGGUHNYA KEBERADAAN KAGAT SELAKU DAEI-ASKARI DI PERSADA ATM ADALAH MENEPATI TUNTUTAN AL-QURAN MENERUSI FIRMAN ALLAH SWT DI DALAM SURAH AT-TAUBAH, AYAT 122 :

﴿ وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي

الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿

MAFHUMNYA:

“DAN TIDAK SEPATUTNYA ORANG-ORANG MUKMIN ITU SEMUANYA KELUAR (KE MEDAN PERANG), HENDAKLAH ADA SEBAHAGIAN DARI MEREKA YANG PERLU MEMPERDALAMI PENGETAHUAN AGAMA, AGAR DENGANNYA MEREKA BERUPAYA BERFUNGSI MEMBERI PERINGATAN KEPADA KAUMNYA YANG PERGI BERPERANG, APABILA MEREKA TELAH KEMBALI (DARI MEDAN PEPERANGAN), SUPAYA MEREKA SENTIASA MENDAPAT PERINGATAN (UNTUK MENJAGA DIRI DARI PERKARA-PERKARA YANG TIDAK BAIK).

SAUDARA SAUDARA SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

8. INILAH TUGAS DAN PERANAN KAGAT YANG MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARI ANGGOTA TENTERA, IAITU MENDALAMI ILMU PENGETAHUAN KEAGAMAAN DAN Mencari Gali Nilai-nilai Spiritual yang terdapat di dalam legasi ketenteraan Islam sejak zaman Rasulullah SAW dan era selepas kewafatan Baginda. Berbekalkan ilmu Wahyu dan Kajian Fiqh semasa, Kagat perlu memainkan peranan membina modul keagamaan untuk diterapkan di kalangan warga ATM melalui sistem pendidikan yang sesuai dengan latar belakang dan tugas mereka selaku perajurit dan perwira negara. Ianya bertujuan untuk mewujudkan nilai tambah di kalangan warganya, dan sekali gus mengundang hadirnya rahmat dan pertolongan Allah SWT serta bantuannya apabila keadaan memerlukan.

9.. JUSTERU ITULAH, TUMPUAN GERAK KERJA KAGAT SEHARIAN UNTUK MEMBERI KEFAHAMAN AGAMA ISLAM YANG TEPAT LAGI MENYELURUH MELIPUTI ASPEK AKIDAH, SYARIAH DAN AKHLAK, TERMASUK MENINGKATKAN SEMANGAT JUANG YANG BETUL KEPADA WARGA TENTERA DAN IANYA AKAN TETAP MENJADI WADAH UTAMA KAGAT MESKIPUN TERPAKSA BERHADAPAN DENGAN CABARAN DAN RINTANGAN .

10. SESUNGGUHNYA MATLAMAT KEWUJUDAN KAGAT ADALAH JELAS, IAITU MELAHIRKAN ANGGOTA TENTERA YANG BERILMU, BERIMAN, BERAMAL DAN BERTAQWA KE ARAH MENINGKATKAN TAHAP KESIAGAAN WARGA TENTERA KITA DALAM MENGHADAPI SEBARANG ANCAMAN KE ATAS KESELAMATAN DAN KEDAULATAN NEGARA TERCINTA.

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

11. ADALAH MENJADI HARAPAN DAN ASPIRASI RAKYAT JELATA, MENGIMPIKAN LAHIRNYA WARGA TENTERA YANG BERUPAYA MEMIKUL AMANAH, MENJAGA KEDAULATAN NEGARA TERCINTA. WARGANYA TERDIRI DARI ANAK-ANAK WATAN YANG SIHAT, CERDAS DAN BERWIBAWA, YANG MEMILIKI AKHLAK TERPUJI, AMANAH DAN SETIA KEPADA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB, DI SAMPING TIDAK LUPA TERHADAP ASPEK *HABLUMMINALLAH* YANG TERLAKSANA MENERUSI PENGHAYATAN SOLAT FARDHU DAN SUNAT, ZIKRULLAH, TILAWAH AL-QURAN, QIAMULLAIL, AMALAN WIRID AL-MA'THURAAT DAN SEBAGAINYA LAGI YANG PERNAH MENJADI NADI KEKUATAN TENTERA RASULULLAH, UMAR AL-KHATTAB, KHALID AL-WALID, TORIQ BIN ZIYAD, MUHAMMAD AL-FATEH DAN SEBAGAINYA.

12. YAKINLAH SIDANG JUMAAT SEKALIAN, BAHAWA NILAI-NILAI MURNI INILAH YANG BERUPAYA BERFUNGSI MEMBINA KEKUATAN JATI DIRI DAN MENINGKATKAN TAHAP PROFESIONALISME SEBAGAI ANGGOTA TENTERA YANG MUKMIN, YANG PROFESIONAL, MUTTAQIN YANG BERINTEGRITI, WARGA YANG CINTAKAN BANGSA DAN TANAH AIR YANG TERCINTA.

SAUDARA-SAUDARA SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT SEKALIAN,

13. SESUNGGUHNYA KEWUJUDAN KAGAT SEBAGAI TERAS PEMANGKIN KEROHANIAN ATM, SEDIKIT SEBANYAK TELAH DAN BAKAL MEMBERI IMPAK POSITIF DALAM WADAH PENINGKATAN NILAI-NILAI SPIRITUAL DI DALAM ATM. PELBAGAI AGENDA PENDIDIKAN ISLAM DAN LATIHAN KEROHANIAN TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN DI SELURUH PERKHIDMATAN ATM, MELALUI PELAKSANAAN MODUL PENDIDIKAN ISLAM DAN FARDU AIN (PIFA)

YANG TELAH DIKUATKUASAKAN SEJAK TAHUN 2013, TANPA DISEDARI OLEH BANYAK PIHAK BAHAWA KITA TELAH BERJAYA MENYEDIAKAN SATU SISTEM PENDIDIKAN AGAMA YANG TERARAH DAN BERMODUL, MESKIPUN TERDAPAT SEDIKIT SENYAK KELEMEHAN DARI SUDUT PELAKSANAAN YANG INSYA-ALLAH AKAN DITAMBAH BAIK DARI MASA KE SEMASA.

14. BEGITU JUGA MODUL JERI, (JASMANI, EMOSI, ROHANI DAN INTELEK) YANG MERUPAKAN MODUL BINA INSAN YANG DIYAKINI BERUPAYA MENYUNTIK SEMANGAT JUANG ATAU MEMBINA *SPIRITUAL COMBAT POWER* DI KALANGAN SETIAP LAPISAN ANGGOTA. KAGAT JUGA BERUSAHA MEMBERI BIMBINGAN IBADAT DI MEDAN, DI KAWASAN OPERASI MENERUSI PELAKSANAAN PROGRAM DAKWAH DI KAWASAN OPERASI ATAU (PRODAKSI) YANG BERMATLAMAT UNTUK MEMBERI MOTIVASI DAN BIMBINGAN KEPADA ANGGOTA KITA YANG JAUH DI PERBATASAN, YANG RELA BERKORBAN SEGALA KESELESAAN HIDUP DEMI KEPENTINGAN NEGARA DAN UMMAH SELURUHNYA.

15. DI SAMPING ITU JUGA, KAGAT TURUT BERPERANAN DALAM MEMBERI PENERANGAN DAN KESEDARAN YANG BERTERUSAN DALAM USAHA MENCEGAH PENULARAN ANCAMAN DAESH, IDEOLOGI RADIKAL, AJARAN SESAT DAN FAHAMAN MELAMPAU DARI MEMPENGARUHI ANGGOTA ATM MELALUI PELAKSANAAN *ROAD SHOW* PERISAI AKIDAH, SERTA PENGUKUHAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH, YANG MERUPAKAN SATU-SATUNYA AKIDAH YANG DIPERAKUI DI DALAM ISLAM.

16. NAMUN DEMIKIAN, SEGALA USAHA INI TIDAK AKAN MENDATANGKAN IMPAK MAKSIMA TANPA ADANYA SOKONGAN, DOKONGAN DAN KERJASAMA PADU JENTERA KEPIMPINAN SERTA SELURUH WARGA ATM DI SEMUA PERINGKAT. KAGAT TIDAK MEMPUNYAI MUKJIZAT UNTUK MENYOKONG PERJUANGNYA MENERAP ELEMEN KEROHANIAN DI KALANGAN WARGA ATM. HANYA USAHA DAN DOA YANG BERUPAYA DILAKUKAN MEREKA. MUDAH-MUDAHAN SEGALA USAHA KECIL INI AKAN MEMBERI KESAN YANG BAIK KEPADA PEMBENTUKAN ANGKATAN TENTERA YANG BERKUALITI, DI SAMPING SEGALA USAHA PIHAK-PIHAK LAIN UNTUK MENJADIKAN ATM SEBAGAI BENTENG AMPUH PERTAHANAN NEGARA

SAUDARA SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

17. MENGAKHIRI KHUTBAH PADA HARI INI, MARILAH KITA MENGAMBIL BEBERAPA KESIMPULAN UNTUK RENUNGAN BERSAMA:

PERTAMA: PERANAN AGAMA DI DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN KITA SANGAT BESAR KHUSUSNYA DI KALANGAN WARGA ATM, MALAH IA BERTINDAK SEBAGAI FAKTOR UTAMA BAGI MENGGAPAI HADIRNYA *NASRUMMINALLAH* ATAU PERTOLONGAN ALLAH SAMA ADA DALAM KEADAAN AMAN MAUPUN DARURAT.

KEDUA : SEBAGAI PENERAJU PEMBINAAN ASPEK KEROHANIAN WARGA TENTERA, KAGAT INSYA-ALLAH AKAN SENTIASA BERUSAHA UNTUK MELAKSANAKAN PELBAGAI BENTUK PENDIDIKAN ISLAM, AGAR WARGA TENTERA SENTIASA TERBIMBING DENGAN SEMUA DISIPLIN ILMU DAN AMALAN ISLAM, MELIPUTI ILMU AKIDAH, SYARIAH DAN AKHLAK SERTA SEMANGAT JUANG YANG TINGGI, BERPAKSIKAN AL-QURAN DAN SUNNAH, JUGA LEGASI KEPAHLAWANAN GENERASI ISLAM SILAM.

KETIGA: TAHAP KEYAKINAN MASYARAKAT DAN NEGARA TERHADAP ORGANISASI ATM INSYA-ALLAH AKAN LEBIH MENDALAM, APABILA SELURUH WARGANYA MAMPU MENJADIKAN NILAI DAN KUALITI HIDUP ISLAM SEBAGAI BUDAYA HIDUP SEHARIAN DAN DI DALAM GERAK KERJA KETENTERAAN. KEPADA WARGA KAGAT, KHATIB INGIN MENYERU AGAR BEKERJA DAN BERUSAHALAH BERSUNGGUH-SUNGGUH DALAM MELESTARIKAN TUGAS WARATHATUL-ANBIYA' AGAR KITA TIDAK AKAN DIPERSOALKAN DI AKHIRAT NANTI TERHADAP AMANAH YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN KEPADA KITA. MARILAH KITA SAMA-SAMA BERUSAHA DAN BERDOA, SEMOGA KITA SEKALIAN BEROLEH RAHMAT DAN REDHA ALLAH DI DUNIA DAN AKHIRAT.

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٦﴾

“DAN ORANG-ORANG YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH PADA JALAN AGAMA KAMI PASTI KAMI AKAN TUNJUKKAN JALAN KEBENARAN KAMI. SESUNGGUHNYA ALLAH TETAP BERSAMA DENGAN ORANG YANG BAIK.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.